

# PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Pengauditian pematuhan jabatan dan agensi negeri Kedah dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.
- Pengauditian ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenalpasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- Sebanyak empat pengauditian pematuhan telah dilaksanakan melibatkan tiga jabatan dan satu agensi di Negeri Kedah. Laporan pengauditian pematuhan yang memenuhi kriteria 3P1K dilaporkan seperti berikut:
  - a. Bayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah;
  - b. Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah; dan
  - c. Pemberian Bantuan Am di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Daerah Kota Setar

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditian pematuhan jabatan dan agensi negeri dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

#### Apa yang ditemui Audit?

- Bayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
  - pembayaran penuh berjumlah RM126,492 dibuat bagi perkhidmatan kawalan keselamatan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna; dan
  - pembayaran penuh berjumlah RM184,872 dibuat bagi perkhidmatan pembersihan bangunan dan senggaraan landskap.

- **Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah**
  - pembayaran perkhidmatan tanpa Borang Setuju Terima (BST) dan kontrak berjumlah RM0.63 Juta;
  - pembayaran dibuat sebelum BST dikeluarkan dan sebelum kontrak ditandatangani berjumlah RM40,482;
  - bayaran tanpa kelulusan pelanjutan kontrak berjumlah RM29,486; dan
  - pengesahan bayaran tanpa dokumen kesempurnaan perkhidmatan berjumlah RM477,574.
- **Pemberian Bantuan Am di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Daerah Kota Setar**
  - kesilapan pembayaran Bantuan Am ke akaun bank penerima lain berjumlah RM9,650;
  - pembayaran Bantuan Am dibuat dua kali kepada penerima yang sama berjumlah RM1,800; dan
  - pembayaran Bantuan Am kepada penerima yang telah meninggal dunia berjumlah RM19,106.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- **Bayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah**

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- memastikan pegawai yang bertanggungjawab memperaku dan mengesahkan bayaran menyemak dengan teliti dokumen sokongan mengikut peraturan kewangan dan tatacara yang ditetapkan;
- memastikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak;
- memastikan bahawa terma dan syarat kontrak yang telah dipersetujui dalam Surat Setuju Terima antara Kerajaan dan syarikat hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak; dan

- dokumen kontrak hendaklah disemak dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kesilapan atau percanggahan bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik serta syarikat yang dilantik dapat memenuhi semua obligasi kontrak yang ditandatangani.

- **Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah**

Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- memastikan pembayaran dibuat setelah BST dikeluarkan dan bayaran berkala sehingga tiga kali dalam tempoh empat bulan selepas BST ditandatangan balas dan sebelum kontrak ditandatangani;
- memastikan pembayaran dibuat bagi kontrak yang masih berkuat kuasa; dan
- memastikan pegawai yang bertanggungjawab diberi latihan dan kursus supaya dapat memahami prosedur pentadbiran kontrak dan melaksanakan proses pembayaran selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

- **Pemberian Bantuan Am di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Daerah Kota Setar**

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- memastikan semakan dilaksanakan dengan lebih teliti oleh pegawai bertanggungjawab sebelum bayaran dibuat bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah betul dan tepat; dan
- menambah baik Dasar Bantuan Am Negeri khususnya berkenaan tatacara kutipan bayaran balik bagi penerima yang telah meninggal dunia dengan menetapkan tempoh masa yang jelas bagi waris melaporkan kematian dan mengambil kira kemampuan waris membuat bayaran balik.



# PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

## PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
2. Pada tahun 2021, sebanyak tiga pengauditan pematuhan telah dilaksanakan melibatkan tiga jabatan dan satu agensi di Negeri Kedah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2021**

BIL.	TAJUK	JABATAN/AGENSI
1.	Bayaran Kontrak Perkhidmatan	• Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
2.	Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan	• Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
3.	Pemberian Bantuan Am	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling • Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar

Sumber: Jabatan Audit Negara

3. Justifikasi pemilihan tajuk pematuhan bagi tahun 2021 adalah mengambil kira kelemahan dalam aspek pematuhan terhadap pentadbiran kontrak Kerajaan dan kelemahan dalam aspek pembayaran serta risiko di jabatan dan agensi negeri Kedah.